


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 18 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8, 14 HINGGA 31)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7, DAN
9 HINGGA 13**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO : 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis bantuan perubatan yang boleh diperolehi kaum daif daripada rawatan luar hingga operasi/pembedahan yang melibatkan perbelanjaan yang besar. Juga terangkan syarat-syarat bagi permohonan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua pesakit yang menerima rawatan di Hospital Kementerian Kesihatan sama ada pesakit luar am/pakar dan pesakit dalam akan dikenakan caj di bawah Perintah Fee 1982.

Walau bagaimanapun, terdapat kelonggaran kepada pesakit miskin dan kurang mampu yang mana golongan ini boleh diberikan

pertimbangan pengecualian penuh atau pengecualian sebahagian tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan. Pesakit atau waris perlu mendapatkan kelulusan daripada pegawai yang telah diberi kuasa di hospital bagi mendapatkan kemudahan berkenaan.

Bagi pesakit yang menerima bantuan bulanan am dan mempunyai Kad Kebajikan Masyarakat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan diberikan kemudahan percuma untuk rawatan pesakit luar am/pakar dan pesakit dalam caj Kelas 3. Pesakit hanya perlu menunjukkan kad/surat dari JKM bagi melayakkan mereka mendapatkan kemudahan tersebut.

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia turut memberi bantuan kewangan melalui Tabung Bantuan Perubatan (TBP) bagi pesakit miskin dan kurang mampu untuk membiayai kos rawatan, ubat-ubatan, alatan perubatan dan alatan rehabilitasi yang tidak dapat disediakan oleh Hospital Kerajaan.

Syarat-syarat permohonan TBP adalah seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Pesakit miskin / kurang mampu yang disokong oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- c. Pesakit yang dirujuk oleh Hospital Kerajaan.

Setiap permohonan bantuan di bawah Tabung ini hendaklah dikemukakan ke Kementerian ini sebelum rawatan dijalankan.

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1332

SOALAN:

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selepas Kerajaan membelanjakan jutaan ringgit untuk membanteras gejala dadah melalui pemulihan di pusat serenti, Pesada dan sebagainya, masih kurang daripada 30% penagih yang benar-benar dapat dipulihkan. Adakah Kerajaan sedia mengkaji semula program-program lain yang lebih berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Y.B. Kerajaan mengambil perhatian yang serius dan terus berusaha untuk mengkaji dan menambahbaik program rawatan dan pemulihan yang sedang dilaksanakan di pusat-pusat serenti dan dalam komuniti. Beberapa program dan strategi baru yang lain sedang dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan pemulihan iaitu :-

- i. Melaksanakan pendekatan Terapi Kekeluargaan iaitu Pendekatan Pemulihan yang disesuaikan dengan pendekatan 'Therapeutic Community' (TC) di semua Pusat Serenti;
- ii. Melaksanakan pemulihan dalam komuniti menggunakan Model Matrik sebagai Projek Perintis. Model ini menekankan usaha-usaha untuk mencegah relapse melalui pelbagai aktiviti pemulihan seperti kaunseling pencegahan relapse, bengkel kemahiran kepulihan, psiko pendidikan dadah dan kelompok sokongan sosial;
- iii. Memberi latihan kemahiran dan vokasional dengan kerjasama GIATMARA;

- iv. Mewujudkan 'cottage industry' di Pusat Serenti untuk memberi latihan dan peluang pekerjaan kepada penghuni-penghuni;
- v. Mengadakan latihan asas perniagaan untuk melahirkan usahawan dalam kalangan bekas-bekas penagih dengan kerjasama TEKUN Nasional;
- vi. Mengadakan program penempatan kerja untuk bekas-bekas penagih;
- vii. Menubuhkan " family association" dan kelompok sokong bantu di pusat-pusat serenti untuk membantu proses pemulihan penghuni;
- viii. Mewujudkan Kumpulan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) untuk membantu usaha-usaha pemulihan di dalam pusat serenti dan komuniti;
- ix. Melaksanakan terapi gantian dadah menggunakan metadon dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia;
- x. Mewujudkan Pusat Khidmat untuk mengintegrasikan bekas-bekas penagih ke dalam masyarakat; dan
- xi. Mengadakan program psiko pendidikan dadah kepada bekas-bekas penagih dan keluarga mereka.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
(GUA MUSANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.11.2008

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah dibelanja untuk pentadbiran dan gaji kakitangan perkhidmatan awam di bawah Belanjawan Tahunan. Bagaimana pula jika jumlah perbelanjaan ini dibandingkan dengan yang dibelanjakan oleh negeri-negeri yang setaraf dengannya dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan perbelanjaan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, purata peruntukan perbelanjaan emolumen bagi tempoh 5 tahun iaitu di antara tahun 2005 hingga 2009 adalah sebanyak 25.5% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus tahunan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan emolumen ini mengambil kira bayaran untuk gaji dan upahan, elaun tetap, elaun lebih masa, sumbangan berkanun untuk kakitangan dan faedah-faedah kewangan yang lain.

2. Sebagai perbandingan, negara-negara serantau lain seperti Singapura membelanjakan sebanyak 17.4% daripada perbelanjaan mengurusnya pada tahun 2008 untuk tujuan bayaran gaji dan upahan manakala Thailand (26.1%: 2008), Indonesia (31.2%:2008), Vietnam (39.4%:2007) dan Brunei Darussalam (43.8%:2006/2007).

3. Kerajaan lebih menitik beratkan perbelanjaan emolumen dibuat secara cekap dan berkesan. Untuk itu, Kerajaan sentiasa berusaha mencapai tahap penggunaan tenaga kerja yang optimum melalui pendekatan memudahkan proses kerja (*simplify*), mengautomasikan proses kerja, meningkatkan kemahiran kakitangan melalui kursus dan latihan, meneliti kewajaran pewujudan dan pengisian sesuatu jawatan termasuk mengambil tindakan membekukan dan memansuhkan jawatan-jawatan yang tidak diperlukan lagi.

Disediakan oleh : Shukri Firos Bin Rahman
PPB(D)1:4055

Disemak oleh : Mohd Zahrain bin Mohd Nor
PPKB(D)1:3876/012-3737646

Diluluskan oleh : Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff
PBB: 3838

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1329

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pemegang Kad Pengenalan merah di negara ini sehingga sekarang dan bolehkah Kementerian membentangkan angka pemegang kad Pengenalan merah dan kaumnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah pemegang kad pengenalan merah semasa adalah sebanyak 371,234. Pemegang kad pengenalan merah bagi kaum Melayu adalah seramai 15,535 orang, kaum Cina seramai 40,733 orang, kaum India seramai 63,441 orang, kaum Kadazan seramai 119 orang, kaum Iban seramai 472 orang dan lain-lain kaum adalah seramai 250,934 orang.

SULIT

NO SOALAN : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' PADUKA ABU BAKAR
BIN TAIB
(LANGKAWI)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2008
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan semasa dan selepas Rejimen Askar Melayu Diraja mengadakan kawad kehormat di Buckingham Palace, London dan mendapat liputan meluas sebagai antara yang terbaik, apakah tindakan susulan untuk meningkatkan imej pasukan tersebut di negara-negara lain seperti Jepun dan negara-negara Eropah yang lain.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk menghantar Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) membuat penugasan rejimental di lain-lain negara seperti Jepun dan Eropah. Bagaimanapun Kementerian bersedia menimbangkan sekiranya terdapat undangan dari negara asing seperti penyertaan dalam pertunjukan Tatto.

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa mempertingkatkan imejnya di peringkat antarabangsa secara tidak langsung seperti penglibatan di dalam misi-misi pengaman di seluruh dunia dan turut terlibat dalam latihan bersama negara-negara asing.

SOALAN NO. (18)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa dalam kes-kes lewat serah rumah, pemaju-pemaju membayar pampasan yang perlu kepada pembeli-pembeli dan sekiranya tiada, kenapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pengiraan serta prosedur tuntutan gantirugi kelewatan serahan milikan kosong (liquidated ascertained damages - LAD) dinyatakan dalam surat perjanjian jual dan beli yang ditandatangani antara pembeli rumah dan pemaju perumahan berlesen. Selaras dengan Peraturan 11(1) Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 (Pindaan 2007), semua kontrak jualan atau belian untuk sesuatu rumah tempat tinggal adalah diwajibkan untuk menggunakan bentuk kontrak yang telah ditetapkan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) sebagai satu saluran alternatif untuk menyelesaikan pertikaian tuntutan gantirugi di antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan. Kebanyakan kes-kes LAD yang

didengar oleh TTPR adalah membabitkan kes pembeli tidak berpuas hati dengan jumlah LAD yang ditawarkan oleh pemaju. Pihak TTPR akan mengeluarkan *award* setelah mendengar dan mengambil kira hujah-hujah kedua-dua pihak penuntut (pembeli) dan penentang (pemaju).

Sekiranya pemaju gagal mematuhi *award* yang dikeluarkan oleh TTPR, Kementerian boleh mengambil tindakan terhadap pemaju di bawah Seksyen 16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Dato' Seri Haji Azmi Bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan menyatakan memandangkan isu Perubahan Iklim merupakan isu yang serius yang dihadapi oleh manusia sejagat pada hari ini, apakah keputusan-keputusan dasar yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perubahan Iklim, yang telah ditubuhkan pada tahun 2007.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, cadangan penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perubahan Iklim (JKPI) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada awal 2008. Ia berperanan untuk menentukan hala tuju, dasar dan strategi pembangunan negara dengan mengambil kira aspek pemuliharaan alam sekitar selaras dengan prinsip pembangunan lestari. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet mengenai Perubahan Iklim dijangka akan diadakan pada suku keempat tahun ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2008

**SOALAN : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan jumlah perbelanjaan keraian dan rumah terbuka sempena menyambut bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri/Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali, Gawai, Dayak, Pesta Ka'amatan, Krismas, Good Friday, Wesak, Hari Kebangsaan dan sebagainya yang dianjurkan oleh Ahli-ahli Parlimen BN yang disalurkan menerusi peruntukan khas kawasan Parlimen dalam tahun 2007 bagi mengadakan acara-acara tersebut dan namakan 10 kawasan Parlimen yang tertinggi berbelanja.

JAWAPAN : ~~Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM~~

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak 196 YB Ahli Parlimen BN telah menggunakan Peruntukan Khas bagi membiayai penganjuran acara sambutan perayaan seperti sambutan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri/Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali,

Gawai, Dayak, Pesta Ka'amatan, Krismas, Good Friday, Wesak, Hari Kebangsaan dan sebagainya di kawasan masing-masing. Perbelanjaan bagi program-program ini meliputi kos penyediaan makan minum, sewaan khemah dan peralatan, pemberian sumbangan kepada golongan fakir miskin, bantuan kepada anak yatim serta orang kurang upaya (OKU), dan pembekalan perkhidmatan yang berkaitan dengannya. Sepuluh (10) kawasan Parlimen BN yang paling banyak menganjurkan program berkenaan adalah seperti berikut :

BIL	KAWASAN PARLIMEN	BIL PROJEK	NILAI PERBELANJAAN PERAYAAN (RM)
1	Tenom	58	988,475.00
2	Dungun	87	977,000.00
3	Putatan	86	971,000.00
4	Tawau	66	948,575.00
5	Silam	40	946,420.00
6	Kuala Nerus	248	946,115.30
7	Sepanggar	54	918,480.00
8	Kuala Terengganu	304	917,588.00
9	Parit	137	916,407.50
10	Marang	186	914,250.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1330

SOALAN :

Tuan Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) benarkah pada April 1999 pemberita Mutalib Mohd. Daud telah menerbitkan sebuah buku bertajuk "IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah" ISBN 983-9280-32-5; dan

(b) sudahkah pihak polis menyiasat tuduhan dalam buku tersebut yang menyebut terdapat penyelewengan yang ketara oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dalam pilihan raya di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Abdul Mutalib Bin Mohd. Daud sememangnya ada menerbitkan sebuah buku bertajuk "IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah". Buku tersebut diterbitkan pada bulan Januari 1999 bagi cetakan pertama. Ia kemudiannya diulang cetak pada bulan April 1999 bagi cetakan kedua dan keluaran edisi khas. Buku tersebut dijual kepada masyarakat umum dan Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai halangan ke atas penjualan buku ini. Isi kandungannya adalah berkisar mengenai isu kononnya kemenangan Parti Barisan Nasional (BN) di dalam pilihan raya Sabah adalah disebabkan oleh pengundi hantu atau pemegang kad pengenalan palsu.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis tidak pernah menyiasat dakwaan-dakwaan seperti mana yang dibangkitkan di dalam buku berkenaan. Walau bagaimanapun, saya percaya sekiranya ada sebarang bentuk penyelewengan dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, ianya akan disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah.

NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008 (SELASA)
SOALAN : NO. 3 22

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan serius dalam menyelesaikan isu pembatalan MoU Universiti Al-Azhar dengan kolej-kolej Islam awam dan swasta di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap pembatalan MoU di antara Universiti Al-Azhar dengan enam buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

Keputusan Universiti Al-Azhar membatalkan MoU tersebut dibuat atas alasan mereka bercadang untuk menubuhkan cawangan Universiti Al-Azhar di Malaysia. Tindakan ini diambil bagi membolehkan universiti berkenaan mengawal selia terutama dari aspek pengurusan universiti, akademik dan aktiviti pelajar. Melalui kaedah ini, kualiti pelajar dapat ditingkatkan dan masalah pelajar

Malaysia gagal di dalam peperiksaan serta tidak memenuhi ekspektasi kecemerlangan yang ditetapkan oleh universiti berkenaan akan dapat diatasi.

Berdasarkan kepada hasrat ini, Kementerian Pengajian Tinggi tiada halangan untuk menimbang permohonan rasmi daripada pihak Universiti Al-Azhar untuk membuka kampus cawangan mereka di Malaysia.

SOALAN NO: 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]

TARIKH : 18 November 2008

**SOALAN: Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan :-**

- a) adakah Kementerian bercadang menggubal semula dasar-dasar baru pemberian lesen menangkap ikan kepada nelayan-nelayan terutamanya nelayan-nelayan pesisir pantai bagi membolehkan golongan yang berhak mendapatkan lesen tersebut tidak terpinggir; dan
- b) sejauh manakah pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan ke atas nelayan-nelayan yang menangkap ikan mengikut kategori mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Jawapan

- a) Pada masa ini dasar-dasar sedia ada berhubung pemberian lesen menangkap ikan kepada nelayan-nelayan masih lagi sesuai berdasarkan keadaan sumber pada masa kini. Penambahan bilangan vesel penangkapan ikan akan memberikan tekanan kepada sumber sedia ada.
- b) Melalui sistem pengezonan yg diamalkan, kegiatan para nelayan berjaya dipantau mengikut kategori dan peraturan yang ditetapkan. Kejayaan ini disebabkan oleh adanya bantuan dan kerjasama dari agensi penguatkuasaan maritim yang lain seperti APMM, PDRM, Taman Laut, Kastam Diraja dan lain-lain agensi maritim yang turut melibatkan diri untuk menjamin kesejahteraan maritim negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE

TARIKH : 18 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang akan diambil ke atas pihak pensyarah Biro Tatanegara yang menggalakkan fikiran racist apabila mendesak bahaya “kalau ular dengan India depan mata, ketuk India dulu” dan menayangkan video menuduh pemimpin Teresa Kok dan Ezan Mohd Noor sebagai penyokong “Zionist”

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Biro Tatanegara(BTN) adalah sebuah agensi yang menjalankan kursus berkaitan kenegaraan dan juga semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia keseluruhannya. Peserta-peserta yang menghadiri kursus berkenaan adalah terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat umur. BTN juga turut menggunakan maklumat-maklumat atau statistik yang diperolehi daripada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perangkaan, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Kewangan dan lain-lain Kementerian dalam menyampaikan fakta-fakta kepada peserta kursus, dan telah menjadi dasar kepada jabatan ini tidak membenarkan penceramah BTN menyentuh apa-apa perkara yang boleh menyinggung perasaan mana-mana kaum, dan sekiranya ini berlaku pihak Jabatan akan menggugurkan mereka daripada menjadi penceramah BTN.

Berhubung dengan persoalan yang ditimbulkan, BTN sedar ianya didalam blog-blog di internet, dan hasil dari siasatan kami, kata-kata seperti dinyatakan oleh YB PJ Utara tidak benar. Kemungkinan ada diantara penceramah menyatakan beberapa pepatah orang India yang berkaitan dengan hal-hal orang India yang telah disalah tafsirkan oleh

pendengar. Siasatan jugak telah dijalankan dan didapati tiada sebarang bentuk rakaman ceramah yang boleh kami jadikan bukti samada tuduhan itu benar ataupun tidak.

Bentuk persoalan kedua, BTN tidak pernah menerima sebarang bentuk aduan berkenaan perkara yang disebutkan, dan sepengetahuan pihak kami tiada sebarang penayangan video seperti yang dimaksudkan didalam kursus-kursus yang dijalankan oleh pihak Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Tiong Thai King [Lanang]

TARIKH : 18 November 2008

Soalan : Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perairan negara kita kaya dengan sumber perikanan, apakah polisi Kerajaan yang ditetapkan kepada pengusaha perikanan untuk mengekalkan kekayaan sumber perikanan kita.

Jawapan

Antara polisi yang digariskan di dalam prosedur atau dasar pelesenan kepada pengusaha perikanan dalam mengekalkan kekayaan sumber perikanan adalah pelaksanaan sistem pengezonan kawasan, penguatkuasaan yang berkala serta pelaksanaan dasar pelesenan khususnya bagi penetapan pelesenan peralatan. Selain itu terdapat juga langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perikanan untuk meningkatkan sumber ikan seperti mengadakan projek pembangunan tukun tiruan dan program exit plan.

Program *Exit Plan* yang dijalankan bertujuan menukar penggunaan pukut tunda kepada peralatan mesra sumber di perairan zon

perikanan pantai dan ianya juga bertujuan untuk mengurangkan tekanan daya tangkapan berlebihan terhadap sumber di kawasan perikanan pantai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 21 26
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)
TARIKH : 18.11.2008

SOALAN :

Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan membenarkan orang-orang Islam terus menerus terlibat dengan perusahaan dan penjualan arak sedangkan fatwa dan juga enakmen-enakmen Syariah mengenainya sudahpun wujud disemua negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

1. Harus diingat bahawa pemberian lesen penjualan arak hanya kepada orang yang bukan beragama Islam sahaja. Lesen ini diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana pihak Kerajaan percaya segala peraturan mengenainya telah dipatuhi. Pihak kerajaan juga dari masa ke semasa memantau tindakan semua PBT ke atas pengeluaran lesen ini.

2. Pihak Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri tidak pernah terlepas pandang dalam menguatkuasakan Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang membabitkan kesalahan berhubung orang Islam yang meminum, membuat, menjual, menghadiah, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa arak; apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.
3. Statistik pendakwaan kesalahan jenayah syariah seluruh Malaysia bagi tahun 2006 dan 2007 menunjukkan bahawa kebanyakan negeri-negeri telah mengambil tindakan ke atas orang Islam kerana kesalahan yang melibatkan arak. Pada tahun 2006, sebanyak 94 kes telah didakwa di mahkamah syariah. Bagi statistik tahun 2007 pula, pendakwaan terhadap kesalahan yang melibatkan arak telah menurun kepada hanya 55 kes sahaja. Angka ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan yang dijalankan telah meninggalkan impak yang positif kepada orang Islam.
4. Walaupun demikian, pihak Kerajaan tidak mudah berpuas hati dengan kadar penurunan statistik tersebut. Pemantauan dan penguatkuasaan tetap dijalankan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh; Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri telah menjalankan operasi-operasi secara bersepadu dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PDRM di Pusat-Pusat Hiburan, premis-premis yang berlesen dan tidak berlesen dan juga operasi yang membabitkan aduan dan maklumat daripada orang awam.

5. Pihak Kerajaan sedar bahawa keruncingan kesalahan ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada masalah moral masyarakat, khususnya remaja Islam. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap kesalahan jenayah syariah dengan menyemak peraturan-peraturan yang ada agar dapat disesuaikan dengan keadaan semasa. Tetapi harus diingat, perkara ini bukanlah boleh dilakukan dalam tempoh yang singkat. Perkara tersebut perlulah diteliti secara mendalam serta mengikut saluran yang betul.

6. Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan bahawa Kerajaan membenarkan orang-orang Islam terlibat dengan perusahaan dan penjualan arak. Berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah dijelaskan di atas, pihak Kerajaan tidak pernah teragak-agak dalam mengambil tindakan ke atas orang Islam yang terlibat dengan arak. Namun adalah menjadi kewajipan umat Islam untuk menasihati atau menegur umat Islam yang lain yang terlibat dengan arak atau melaporkan kepada Pihak Berkuasa Agama untuk diambil tindakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABD RAHMAN
BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2008
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Kementerian merancang membina pagar di sepanjang sempadan kawasan Kem Latihan Tentera Paradise di Kota Belud untuk mengelakkan pencerobohan ke kawasan tersebut atas tujuan keselamatan.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pemasangan pagar keselamatan di Kem Paradise, Kota Belud hanya tertumpu kepada kawasan penempatan (*Built Up Area*) sahaja, iaitu kawasan kem dan perumahan.

Pemasangan pagar keselamatan di sepanjang sempadan tanah Kem Paraside adalah termasuk dalam rancangan pembangunan keseluruhan Kem tersebut pada masa hadapan. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN
(BATU GAJAH)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 18.11.2008

Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kesemua elaun dan faedah yang dinikmati oleh seorang anggota Kabinet dan nyatakan sama ada mana-mana elaun dan faedah yang akan dibatalkan atau dikurangkan selain daripada pengurangan 10 peratus elaun hiburan dan lain-lain yang diumumkan sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, elaun dan kemudahan yang diberikan kepada anggota Jemaah Menteri adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen kecil (5) seksyen 6, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Antara elaun tetap bulanan yang dibayar adalah Elaun Keraian, Elaun Anggota Jemaah Menteri dan Elaun Pembantu Rumah. Selain itu, anggota Jemaah Menteri juga boleh membuat tuntutan elaun semasa menjalankan tugas rasmi seperti Elaun Hidup Harian, perbelanjaan makan dan bayaran sewa hotel. Manakala kemudahan yang disediakan pula adalah seperti kediaman

rasmi, bekalan air dan elektrik, bekalan gas menggunakan meter, telefon dan kereta rasmi.

2. Sehingga kini, Kerajaan hanya memutuskan pengurangan sepuluh peratus Elaun Keraian anggota Jemaah Menteri melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008.

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk menolong ibu tunggal, warga emas dan orang miskin di setiap daerah dalam negeri Johor. Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima serta yang telah berjaya mendapat bantuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

menyediakan pelbagai jenis skim bantuan bagi membantu ibu tunggal, warga emas dan golongan miskin. Bagi warga emas, Skim Bantuan Orang Tua dengan kadar RM300 sebulan boleh dipertimbangkan bagi pemohon yang layak berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi ibu tunggal, Skim Bantuan Kanak-Kanak dengan kadar antara RM100 sebulan seorang sehingga maksimum RM450 sebulan sekeluarga tidak melebihi 4 orang juga boleh dipertimbangkan bagi membantu ibu tunggal menyara anak-anak berumur di bawah 18 tahun.

Selain itu Skim Bantuan Am yang peruntukannya disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor juga diperuntukkan bagi membantu warga emas, ibu tunggal dan orang miskin sekiranya mereka memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri walaupun mereka tidak dapat dipertimbangkan Skim Bantuan Persekutuan.

Jumlah permohonan yang telah diterima bagi semua skim bantuan kebajikan oleh JKM dari bulan Januari hingga Ogos 2008 bagi Negeri Johor adalah sebanyak 7,784. Dari jumlah tersebut, permohonan

yang diterima dan diluluskan bagi Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua dan Bantuan Am adalah seperti berikut :-

JENIS BANTUAN	JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIIMA	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	1,230	869
Bantuan Orang Tua (BOT)	876	680
Bantuan Am (BA)	900	644
Jumlah	3,006	2,193

SOALAN NO. (30)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah untuk membasmi papan iklan yang tidak sah dan berstatus haram; dan
- (b) adakah Kementerian merancang untuk mengkaji semula kontrak dengan syarikat terpilih untuk menguruskan papan iklan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Pembinaan sebarang struktur ataupun bangunan termasuk juga papan iklan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mendapat kebenaran daripada PBT bagi memastikan ia tidak menimbulkan masalah kacau ganggu dan menggugat keselamatan awam. Sehubungan dengan itu, setiap PBT mempunyai Undang-Undang Kecil Iklan bagi tujuan pelesenan papan iklan.

Undang-Undang Kecil Iklan tersebut antara lainnya menetapkan penggunaan bahasa iklan, proses permohonan, pembaharuan dan pembatalan lesen serta ketinggian, pelunjuran dan keselamatan struktur iklan. Ini termasuklah kuasa kepada PBT untuk menurunkan mana-mana iklan haram yang dibina tanpa kelulusan ataupun melanggar syarat-syarat lesen. Dalam hubungan ini, penguatkuasaan Undang-Undang

Kecil iklan oleh PBT mampu menangani masalah iklan haram dalam kawasan pentadbiran PBT masing-masing.

Dalam pada itu, bagi memudahkan PBT melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, kerjasama orang ramai juga adalah diperlukan bagi melaporkan mana-mana pembinaan struktur papan iklan yang mencurigakan supaya pihak PBT boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Berhubung kajian semula ke atas syarikat pengurusan papan iklan, ia tertakluk kepada pihak berkuasa pelesen, iaitu PBT sendiri bagi mengkaji kontrak syarikat berkenaan. Kementerian percaya setiap PBT telah mengenakan syarat-syarat kontrak yang perlu dipatuhi bagi menjamin keselesaan dan keselamatan awam.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)
TARIKH : 18 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) Sejauh manakah program Rakan Muda dilaksanakan di peringkat luar bandar; dan
- (b) Adakah pihak Kementerian melakukan anjakan paradigma di dalam program Rakan Muda untuk memperkasakan golongan belia menghadapi cabaran di abad seterusnya.

JAWAPAN

- (a)
 1. Program Rakan Muda merupakan sebuah **program pembangunan sosial** dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri (jati diri) serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti lepak dan sebagainya. Penekanan kepada elemen pembangunan diri remaja, seperti patriotisme, kesukarelaan, berbudaya, pendidikan moral, pembangunan dan selaras dengan pembentukan modal insan yang diberi penekanan oleh kepimpinan negara. Kementerian

Belia dan Sukan telah memperluaskan impak Program Rakan Muda ini hingga ke peringkat akar umbi melalui program dan pendekatan baru.

2. Untuk makluman Kementerian telah mewujudkan satu program yang khusus untuk kawasan luar bandar iaitu Program Rakan Muda Wawasan Desa. Melalui program ini pelaksanaannya di buat dengan kerjasama Pejabat Belia dan Sukan Daerah, Jawatankuasa Kecil Kampung (JKKK), pihak Badan bukan Kerajaan (NGO's) setempat dan juga melibatkan pihak IPTA / IPTS.
3. Konsep pelaksanaan program menumpukan kepada 3 skop utama iaitu :-
 - i. Program berbentuk kesedaran (awareness) komuniti setempat mengenai pembangunan belia sebagai tanggungjawab komuniti. Pada akhir pelaksanaan program diharap akan dapat mewujudkan satu komuniti yang boleh berfungsi sebagai agen yang akan mendidik belia tempatan menjadi "core" untuk menggerakkan program Rakan Muda. Program ini juga diharap dapat memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran persatuan belia di kawasan tersebut.
 - ii. Program yang berbentuk khidmat masyarakat pula lebih menjurus kepada aspek penglibatan bersama belia tempatan dengan belia di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) atau mahasiswa mahasiswi atau individu yang bertindak sebagai pembimbing kepada belia setempat dalam melaksanakan program khidmat masyarakat. Dalam program ini belia setempat, Penggerak Rakan Muda, NGO's, pemimpin

masyarakat akan bertindak sebagai tenaga penggerak kepada aktiviti yang dilaksanakan. Bagi memantapkan lagi program ini maka semua fasilitator akan menginap secara konsep "home stay".

iii. Aktiviti sukan atau rekreasi juga akan dilaksanakan dalam usaha mengeratkan lagi hubungan antara peserta dari luar kawasan program dengan belia setempat. Program berbentuk sukan rakyat atau aktiviti sukan boleh disertai oleh semua peserta dan masyarakat yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan semua yang terlibat.

4. Program Rakan Muda Wawasan Desa telah dimulakan pada tahun 2006 hingga sekarang (2008) dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM14,855,000. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 990 program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 135,037 orang seluruh negara.

(b)

Sememangnya Kementerian sentiasa peka dan prihatin terhadap cabaran masa kini yang terpaksa diharungi oleh golongan belia. Sehubungan itu, Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda telah dan sedang mengambil pendekatan bagi memperkasakan golongan belia menghadapi cabaran di masa kini:

1. Membuat pengubahsuaian terhadap program-program Rakan Muda yang dianjurkan mengikut perkembangan semasa bagi memperkasakan golongan belia dalam menghadapi cabaran masa kini. Kementerian turut memantapkan semula Program Rakan Muda dengan pendekatan baru yang lebih dinamik bagi memberi peluang kepada para remaja meningkatkan modal sendiri mereka.

la memberi penekanan kepada aspek pembangunan diri remaja seperti patriotisme, jati diri, kesukarelaan, berbudaya, pembangunan sahsiah, pendidikan moral yang berteraskan pembinaan karakter melalui aktiviti Gaya Hidup yang positif.

2. Memperluaskan Program Rakan Muda sebagai satu Program Pembangunan Modal Insan secara menyeluruh. Justeru itu, Program Rakan Muda akan berteraskan kepada strategi yang baru melalui proses "positioning". Ini bermaksud Program Rakan Muda akan memberi lebih tumpuan kepada program selepas waktu persekolahan atau waktu kerja. Kumpulan sasaran utama adalah remaja yang tinggal di kawasan-kawasan yang berisiko dan mempunyai kadar sosioekonomi yang rendah.
3. Pelaksanaan program yang dahulunya lebih berfokuskan individu, kini memberi fokus kepada komuniti yang mana komuniti juga memainkan peranan dalam menjayakan Program Rakan Muda melalui program-program utama iaitu Program Rakan Muda Wawasan Desa, Penubuhan Kelab Rakan Muda, Pusat Kegiatan Rakan Muda, Rakan Muda Jiran Muda, Program Pembangunan Sukarelawan, Program Anugerah Remaja Perdana serta Pembangunan Sekretariat Rakan Muda pelbagai sektor, dapat memberikan impak besar kepada pembabitan masyarakat remaja di peringkat akar umbi.
4. Kementerian turut melancarkan "Go Mobile" (Jelajah Rakan Muda) dan Kad Keahlian Rakan Muda bagi mempromosikan Program Rakan Muda Fasa II ke peringkat akar umbi melalui pendekatan "out reach". Selain itu, "Go Mobile" ini akan digunakan bagi menyampaikan informasi dan maklumat terkini melalui program-program Kementerian Belia dan Sukan kepada generasi muda dan

belia di luar bandar. Melalui "Go Mobile" dan Kad Keahlian tersebut, ianya akan menarik minat golongan di pelbagai penempatan belia untuk menyertai Program Rakan Muda seterusnya mengurangkan "indicator" masalah sosial terutamanya remaja berpelesiran dan remaja yang tidak menggunakan masa lapang secara produktif.

5. Untuk makluman, buat masa sekarang ini sebanyak 7 buah "Go Mobile" telah diwujudkan mengikut zon di negeri-negeri seperti yang berikut :-
 - i. Zon Timur (Kelantan Dan Terengganu) - Penempatan di JBS Terengganu
 - ii. Zon Pahang - Penempatan di JBS Pahang
 - iii. Zon Selatan (Johor, Melaka & Negeri Sembilan) - Penempatan di JBS Melaka
 - iv. Zon Utara (Perlis, Kedah & Pulau Pinang) - Penempatan di JBS Pulau Pinang
 - v. Zon Tengah (Perak & Selangor) - Penempatan JBS Perak
 - vi. Wilayah Persekutuan Putrajaya - Penempatan di KBS
 - vii. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Penempatan di KBS

6. Pada masa akan datang Kementerian bercadang untuk mewujudkan "Go Mobile " ini di semua negeri termasuk di Sabah dan Sarawak untuk memantapkan lagi sistem penyampai ke kawasan luar bandar (akar umbi).